



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Perak  
Jalan Tun Abdul Razak  
30640 Ipoh, Perak Darul Ridzuan

Tel : 605 501 5000  
Faks : 605 527 7273  
Laman Web : <http://jpnperak.moe.gov.my>

Ruj : JPNPk.SPSPK.UPK.600-2/4 (55)  
Tarikh : 10 JANUARI 2019

Semua Guru Besar  
Sekolah Rendah  
Negeri Perak Darul Ridzuan

Tuan,

**DATA PEMULIHAN KHAS TAHUN 2019**

Sukacita saya merujuk akan perkara di atas.

2. Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa Unit Pendidikan Khas, Jabatan Pendidikan Perak telah memurnikan format data untuk diguna pakai oleh semua pihak yang terlibat mulai Tahun 2019.
3. Untuk makluman pihak tuan, Data Pemulihan Khas akan dikutip berdasarkan kepada bilangan murid pada **31 Januari, 30 Jun dan 31 Oktober** tahun semasa dan **turut melibatkan sekolah yang tidak mempunyai waran perjawatan** guru pemulihan. Kerjasama daripada pihak tuan adalah dipohon untuk menghantar maklumat berkenaan secara 'soft copy' kepada Penolong Pegawai Pendidikan Daerah ( Pendidikan Khas/ Pemulihan Khas ) di daerah masing - masing sebelum atau pada **3 Februari, 3 Julai dan 3 November** tahun semasa.
4. Sehubungan itu, kerjasama daripada pihak tuan juga adalah dipohon untuk memuat turun format data melalui portal Jabatan Pendidikan Negeri Perak mulai **14 Januari 2019**.

Sekian. Terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

( ENI ZANIFAH BINTI MOHD JABERI )

Ketua Sektor

Sektor Pendidikan Swasta dan Pendidikan Khas

b.p. Pengarah Pendidikan Negeri Perak

s.k. 1. Timbalan Pengarah Pendidikan Perak

EZ/ZO/program pemulihan khas(kutipan data)



Sila catatkan rujukan Jabatan ini apabila berhubung

